

NOTA NILAI-NILAI MURNI

Nilai-nilai Murni

1.	baik hati	suka menolong orang lain
2□	berdikari	bergantung kepada diri sendiri (tidak bergantung kepada orang lain)
3□	berhemah tinggi	mempunyai budi pekerti yang baik
4.	hormat-menghormati	saling memberi hormat
5.	kasih sayang	perasaan sayang (terhadap seseorang atau sesuatu), cinta
6.	keadilan	sifat yang adil
7.	kebebasan	keadaan bebas
8.	keberanian	kegagahan
9.	kebersihan fizikal dan mental	Kebersihan berkenaan badan/ jasmani dan pemikiran
10.	kejujuran	kelurusan hati, ketulusan hati
11.	kerajinan	ketekunan
12.	kerjasama	kerja (usaha) bersama-sama atau saling membantu (antara dua atau beberapa pihak)
13.	kesederhanaan	keadaan sederhana
14.	kesyukuran	rasa syukur
15□	patriotisme / semangat patriotik	perasaan cinta yang amat kuat terhadap tanah air
16.	rasional	logik, patut, menurut fikiran yang sihat, secara wajar, sesuai dengan akal (waras)
17.	semangat bermasyarakatan	semangat hidup sebagai satu masyarakat
18.	tolong-menolong	bantu membantu
19.	bertoleransi	sedia menghormati atau menerima pendapat (pendirian dan sebagainya) orang lain yang berbeza daripada pendapat


ARAHAN: Baca petikan cerita di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Guru Kesayangan Saya

Saya bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Indah. Cikgu Rahmah baru berpindah ke sekolah saya. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Cikgu Rahmah seorang yang **tegas** tetapi baik hati. Beliau juga seorang yang mudah mesra. Beliau selalu memberikan nasihat tentang masa depan dan **kerjaya** sewaktu di dalam kelas.

Cikgu Rahmah seorang guru yang **komited**. Beliau sentiasa berusaha untuk meningkatkan **prestasi** anak didiknya. Saya suka akan cara beliau memberikan penerangan sewaktu mengajar. Sekiranya terdapat keraguan sewaktu menyelesaikan latihan, beliau sedia membantu.

Cikgu Rahmah sanggup **meluangkan** masa membantu saya dan rakan-rakan untuk menyelesaikan apa-apa jua masalah. Kami amat menghormati beliau. Benarlah kata **pujangga** guru ibarat lilin yang sanggup membakar diri untuk menerangi orang lain.



1. Berikut maksud perkataan yang berhuruf tebal.

- i. Tegas-_____
- ii. Kerjaya-_____
- iii. Komited-_____
- iv. Prestasi-_____
- v. Meluaskan-_____
- vi. Pujangga-_____

2. Senaraikan ciri positif yang dimiliki oleh Cikgu Rahmah.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____